

## UPNM jalin kerjasama dengan 4 syarikat

**Kuala Lumpur:** Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) menjalinkan hubungan kerjasama dengan empat syarikat tempatan bagi meningkatkan bidang penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ketenteraan.

Empat syarikat terbabit adalah Universiti SEGi, Impressive Communication Sdn Bhd, Innergia Group International Sdn Bhd (IGI) dan Amaz Precision Optic Sdn Bhd.

Naib Canselor UPNM, Jeneral Tan Sri Panglima Zulkifli Zainal Abidin berkata, kerjasama itu selaras dengan visi UPNM untuk menjadi universiti pertahanan utama bagi pendidikan latihan dan penciptaan ilmu.

“Kerjasama ini bakal memajukan lagi bidang penyelidikan serta perkongsian maklumat kajian bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan industri pertahanan,” katanya selepas majlis tandatangan Perjanjian Persefahaman (MoU) di Dewan Bestari UPNM, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor Universiti SEGi, Profesor Emeritus Dr Muhamad Awang, Pengarah Eksekutif Impressive Communication Sdn Bhd, Datuk Noorilah Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Innergia Group International Sdn Bhd, Mazatul Affendy Md Resat dan Pengarah Urusan Amaz Precision Sdn Bhd, Anparasan Muniandy.



ZULKIFLI (kiri) bertukar dokumen dengan Dr Muhamad, semalam.